

Aidilfitri: UNIMAS bantu golongan yang memerlukan

SAFRI ALI

KOTA SAMARAHAN, Jumaat - Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS) tidak lupa tanggungjawab kemasyarakatan dengan menghulur bantuan kepada mereka yang memerlukan sempena Hari Raya Aidilfitri.

Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Pelajar dan Alumni Prof Madya Mohd Fadzil Abdul Rah-

man berkata, universiti itu dengan kerjasama Baitulmal Cawangan Kota Samarahan (TBSCS) buat julung kalinya mengadakan program jalinan mesra untuk membantu mereka yang memerlukan di sekitar Samarahan.

Menurutnya, sumbangan yang dihulurkan berupa beras dan pelbagai jenis biskut raya.

"Kita menyedari betapa pentingnya peranan agensi kerajaan

untuk bersama-sama menjayakan seruan 1Malaysia dan prihatin kepada masalah golongan yang memerlukan," katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap pada Majlis Penyerahan Sumbangan Kepada Fakir Miskin Sempena Sambutan Bulan Ramadan Al-Mubarak dan Aidilfitri di UNIMAS di sini semalam.

Katanya, UNIMAS bersama pihak TBSCS berperanan untuk

menyenaraikan jumlah penerima sumbangan dari seluruh kawasan pentadbiran Kota Samarahan termasuk Serian, Simunjan, Se-buyau, Sadong Jaya dan Asajaya melalui Daie Zakat yang telah dilantik oleh pihak TBSCS.

"Inisiatif ini juga diharapkan dapat memberi impak melalui kerjasama antara agensi dengan masyarakat setempat yang menjadi penderma dan penyumbang



SUMBANGAN ... Prof Madya Mohd Fadzil Abdul Rahman (empat dari kanan, barisan tengah) bergambar bersama wakil penerima sumbangan di Majlis Penyerahan Sumbangan Kepada Fakir Miskin Sempena Sambutan Bulan Ramadan Al-Mubarak dan Aidilfitri di UNIMAS Kota Samarahan. • SAFRI ALI

agar sentiasa ingat untuk menunaikan kewajipan kepada masyarakat yang berhak menerimanya," jelasnya.

Beliau juga berharap melalui program itu nilai murni dan keprihatinan dapat diterapkan kepada seluruh masyarakat serta

sedikit sebanyak dapat membahagikan serta meringankan beban golongan mereka yang kurang berkemampuan.